

**Nurhayati Abilah
dan Amir Hisyam Rasid**
cnews@nstp.com.my

Kuala Lumpur

Naza TTDI Sdn Bhd (Naza TTDI), cabang hartanah milik Naza Corporation Holdings Sdn Bhd melancarkan komponen runcit pertama bagi pembangunan hartanah bercampur KL Metropolis, Met Galleria membabitkan nilai pembangunan kasar (GDV) RM160 juta.

Pengarah Eksekutif dan Ketua Pegawai Operasi Naza TTDI, Datuk Idzham Mohd Hashim berkata, Met Galleria terdiri daripada galeri runcit yang memaparkan gaya hidup antarabangsa bercirikan kolonial dan moden merangkumi elemen kualiti serta kecanggihan dalam setiap reka bentuknya.

“Pusat beli-belah dua tingkat yang berkeluasan lebih 80,000 kaki persegi itu menyasarkan pembeli serta pengunjung yang meningkatkan suasana lebih tenang, selesa dan harmoni,” katanya ketika ditemui selepas pelancaran Met Galleria di sini, semalam.

Hadir sama ialah Pengarah Urusan Kumpulan Naza TTDI, SM Faliq SM Nasimuddin.



IZHAM (kanan) dan SM Faliq (tengah) pada pelancaran Met Galleria, semalam.

GDV RM160j

■ Naza TTDI lancar komponen runcit Met Galleria

Idzham berkata, setakat ini, 40 peratus daripada ruang runcit Met Galleria dihususkan bagi peruncit makanan dan minuman (F&B), 20 peratus dicadangkan untuk kedai konsep, manakala bakinya akan diagihkan kepada penyewa utama, penyedia perkhidmatan dan kios.

“Met Galleria akan memenuhi keperluan penghuni di MET 1 Residences, pekerja dari pejabat berdekatan dan komuniti sekitar Mont Kiara serta pelawat MITEC,” katanya.

Pembangunan hartanah bercampur, KL Metropolis adalah pembangunan utama Naza TTDI di Lembah Klang.

Met Galleria adalah sebahagian daripada fasa pembangunan mega berkenaan.

KL Metropolis membabitkan GDV bernilai RM20 bilion dan dibangunkan di kawasan strategik seluas 30.55 hektar.

Mengenai prestasi syarikat, Idzham berkata, Naza TTDI masih merekodkan kadar pembelian baik pada masa ini.

“Contohnya, pelancaran

menara pejabat sebelum ini mencatatkan 70 peratus kadar pembelian, unit kediaman berjumlah 75 peratus dan pembangunan pejabat kecil rumah pejabat (SOHO) merekodkan 85 peratus.

“Jadi bagi saya, ia (sektor hartanah) sepatutnya kembali kepada perkara asas. Saya sendiri yakin dan percaya, perkara utama bagi pemangkin kepada pasaran hartanah ialah lokasi yang tepat,” katanya.

Beliau menambah, pasaran hartanah di Malaysia dijangka terus kekal kukuh pada masa depan dengan memfokuskan kepentingan kepada tiga aspek asas iaitu lokasi, harga dan perancangan yang tepat.

FAKTA
Met Galleria terdiri daripada galeri runcit papar gaya hidup antarabangsa